

Lembaran Maklumat Tambahan – HealthCover Prime

Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan maklumat produk tambahan, melengkapkan Ilustrasi Jualan dan Lembaran Pendedahan Produk.

Terma dan Syarat Utama

1. Apabila Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi untuk membayar Kos Insurans (COI) dan semua caj lain yang berkaitan di bawah Polisi Asas dan semua rider yang dilampirkan, termasuk Rider ini, pada tarikh perlu bayar, tempoh penangguhan selama 31 hari akan diberikan untuk pembayaran Premium. Sepanjang tempoh penangguhan, Polisi Asas dan semua rider yang dilampirkan, termasuk Rider ini, akan kekal berkuatkuasa. Jika Premium yang diperlukan masih belum dibayar selepas tamat tempoh penangguhan, Polisi Asas dan semua rider yang dilampirkan, termasuk Rider ini, akan luput berkuatkuasa dari akhir tempoh penangguhan tersebut.
2. Rider ini adalah boleh diperbaharui secara terjamin. COI adalah tidak terjamin dan Kami berhak untuk menyemak semula COI dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum Ulang Tahun Polisi di mana COI yang disemak semula akan berkuatkuasa. Sebarang semakan COI akan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan Kami dan faktor lain yang munasabah dan boleh dibenarkan sebagaimana yang Kami tentukan. Sebarang semakan tersebut akan dikenakan secara seragam kepada semua pemilik polisi dalam kelas polisi yang berkenaan, tanpa mengira pengalaman tuntutan individu.
3. Syarat tuntutan untuk HealthCover Prime:

Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat

- (a) Pelbagai tuntutan dalam Kategori Penyakit Kritikal yang sama boleh dibuat di bawah manfaat ini, dengan syarat bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan dipenuhi, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. Hanya 1 tuntutan boleh dibayar bagi setiap peringkat dalam Kategori Penyakit Kritikal.
 - ii. Jumlah maksimum manfaat yang boleh dibayar untuk semua peringkat dalam satu Kategori Penyakit Kritikal tidak boleh melebihi 100% daripada Amaun Diinsuranskan, kecuali untuk keadaan Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat Berulang dan Manfaat Kanser Khusus Jantina.
 - iii. Kelayakan untuk sebarang tuntutan berikutnya di bawah manfaat ini akan timbul 1 tahun selepas diagnosis Penyakit Kritikal yang dilindungi yang telah dituntut dan dibayar sebelumnya, kecuali jika tuntutan itu timbul daripada perkembangan keadaan daripada Peringkat Awal ke Peringkat Pertengahan atau Akhir, atau daripada Peringkat Pertengahan ke Peringkat Akhir. Tempoh menunggu ini tidak terpakai untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
- (b) Manfaat ini hanya boleh dibayar sekali sahaja di bawah Rider ini, tanpa mengira sebarang perkembangan atau pengulangan seterusnya.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, apa-apa manfaat yang dibayar di bawah Manfaat Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari hendaklah ditolak sekali sahaja daripada Manfaat Penyakit Kritikal Peringkat *Akhir* yang perlu dibayar. Tiada *tolakan* lanjut berhubung dengan bayaran manfaat Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari yang sama akan dibuat terhadap mana-mana tuntutan Manfaat Penyakit Kritikal Peringkat *Akhir* yang dikemukakan selepas itu.
- (d) Jumlah maksimum pembayaran untuk Kanser Tiroid Peringkat Awal dihadkan pada RM175,000 bagi setiap hayat.
- (e) Amaun Diinsuranskan bagi Kontrak Tambahan ini tidak akan dikurangkan oleh jumlah yang telah dibayar di bawah manfaat ini.

Manfaat Bayaran Pelbagai

- (a) Maksimum 4 tuntutan dibenarkan untuk Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan, tertakluk kepada jumlah pembayaran maksimum sebanyak RM1,000,000 bagi setiap hayat.
- (b) Amaun Diinsuranskan bagi Kontrak Tambahan ini tidak akan dikurangkan oleh jumlah yang telah dibayar di bawah manfaat ini.

Manfaat Berulang

- (a) Pembayaran manfaat adalah tertakluk kepada had maksimum 200% daripada Amaun Diinsuranskan di bawah Kategori Penyakit Kritikal Kanser, yang merangkumi gabungan pembayaran daripada Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat, Manfaat Berulang, dan Manfaat Kanser Khusus Jantina.
- (b) Manfaat ini hanya boleh dibayar sekali sahaja bagi setiap Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah manfaat ini.
- (c) Amaun Diinsuranskan bagi Kontrak Tambahan ini tidak akan dikurangkan oleh jumlah yang telah dibayar di bawah manfaat ini.

Manfaat Kanser Khusus Jantina

- (a) Pembayaran manfaat adalah tertakluk kepada had maksimum 200% daripada Amaun Diinsuranskan di bawah Kategori Penyakit Kritikal Kanser, yang merangkumi gabungan pembayaran daripada Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat, Manfaat Berulang, dan Manfaat Kanser Khusus Jantina.
- (b) Manfaat ini hanya boleh dibayar sekali sahaja di bawah Kontrak Tambahan ini.
- (c) Amaun Diinsuranskan bagi Kontrak Tambahan ini tidak akan dikurangkan oleh jumlah yang telah dibayar di bawah manfaat ini.

Manfaat Catch All Booster

- (a) Untuk kemasukan ke wad am, ia mesti disertai dengan Pembedahan atau disebabkan oleh suatu jangkitan. Kemasukan tersebut hendaklah disahkan sebagai Perlu dari Segi Perubatan oleh seorang Pakar Perubatan berdaftar.
- (b) Manfaat ini hanya boleh dibayar sekali sahaja di bawah Kontrak Tambahan ini.
- (c) Amaun Diinsuranskan bagi Kontrak Tambahan ini tidak akan dikurangkan oleh jumlah yang telah dibayar di bawah manfaat ini.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Tambahan untuk terma dan syarat yang lengkap di bawah pelan ini.

Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Pelan ini menyediakan **perlindungan insurans** apabila Orang yang Diinsuranskan **didagnosis dengan Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat, Manfaat Bayaran Pelbagai, Manfaat Berulang, Manfaat Kanser Khusus Jantina dan Manfaat Catch All Booster** semasa tempoh perlindungan Rider. Manfaat ini hanya akan dibayar jika Orang yang Diinsuranskan masih hidup untuk sekurang-kurangnya 7 hari (Peringkat Awal) atau 30 hari (Peringkat Pertengahan/Akhir/Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari/hari pertama Penghospitalan) daripada tarikh diagnosis.

1. Apakah manfaat yang ditawarkan di bawah pilihan pelan yang berbeza?

(i) Pilihan pelan:

Manfaat yang ditawarkan	Pelan 1	Pelan 2
i. Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat	√	√
ii. Manfaat Bayaran Pelbagai	√	√
iii. Manfaat Berulang	-	√
iv. Manfaat Kanser Khusus Jantina	-	√
Bayaran Maksimum	400%	600%
v. Manfaat Catch All Booster	√	√
Jumlah Bayaran Maksimum	435%	635%

(ii) Jenis Penghospitalan di bawah Manfaat Catch All Booster:

No.	Jenis Penghospitalan	Tempoh Minimum Penginapan Berterusan	Pelan 1	Pelan 2
-----	----------------------	--------------------------------------	---------	---------

1	Unit Rawatan Rapi (ICU)	5 hari	√	√
2	Gabungan ICU dan Wad Am	15 hari	-	√
3	Wad Am	15 hari	-	√

2. Apakah pengecualian dan batasan utama di bawah pelan ini?

- (i) Tertakluk kepada Tempoh Menunggu, di mana Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada 49 bulan semasa diagnosis bagi Penyakit Kritikal atau Penghospitalan, yang mana berkenaan, pembayaran Amaun Diinsuranskan di bawah Rider ini adalah seperti berikut:

Umur Orang yang Diinsuranskan Pada Masa Diagnosis Penyakit Kritikal atau Penghospitalan	Peratusan daripada Amaun Diinsuranskan Rider yang Perlu Dibayar
12 bulan dan ke bawah	20%
13 - 24 bulan	40%
25 - 36 bulan	60%
37 - 48 bulan	80%
49 bulan dan ke atas	100%

- (ii) Untuk manfaat-manfaat selain daripada Manfaat Catch All Booster

Pelan ini tidak akan melindungi sebarang Penyakit Kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh atau yang timbul daripada sebarang 1 kejadian di bawah:

- sebarang penyakit atau Pembedahan selain daripada diagnosis atau Pembedahan untuk Penyakit Kritikal yang dilindungi;
- sebarang tanda atau gejala Penyakit Kritikal yang pertama kali wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang berkenaan;
- sebarang Penyakit Kritikal yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Keadaan Sedia Ada seperti yang ditakrifkan, yang wujud sebelum tarikh terbitan atau tarikh penguatkuasaan semula Kontrak Tambahan ini, atau tarikh berkuatkuasa Pengendorsan untuk sebarang manfaat bagi Kontrak Tambahan yang baru ditingkatkan atau dinaik taraf, yang mana terkemudian;
- sebarang Penyakit Kritikal di mana, pada pendapat Kami, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau oleh jangkitan dengan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Kami berhak meminta Orang yang Diinsuranskan untuk menjalani ujian HIV sebagai syarat duluan untuk penilaian sebarang tuntutan. Pengecualian diberi apabila HIV berlaku akibat Transfusi Darah atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan sebagaimana ditakrifkan dalam Kontrak Tambahan ini. Untuk tujuan Kontrak Tambahan ini:
 - AIDS akan mempunyai makna yang diterima pakai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987 atau sebarang semakan berikutnya; dan
 - Jangkitan HIV hendaklah dianggap telah berlaku apabila ujian darah atau sebarang ujian perubatan lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan HIV atau antibodi terhadap HIV.
- sebarang Penyakit Kritikal yang berada dalam peringkat yang sama atau peringkat yang lebih awal daripada Kategori Penyakit Kritikal yang sama seperti tuntutan yang telah diluluskan dan dibayar sebelumnya, kecuali untuk tuntutan yang boleh dibayar di bawah Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Manfaat Kanser Khusus Jantina, Manfaat Berulang atau Manfaat Bayaran Pelbagai;
- sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh kecacatan atau penyakit kongenital, yang telah wujud atau didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 17 tahun;
- sebarang Penyakit Kritikal yang disebabkan oleh kecederaan yang disengajakan, sama ada Orang yang Diinsuranskan berada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- sebarang Penyakit Kritikal yang secara langsung disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol atau dadah;
- Orang yang Diinsuranskan tidak hidup sekurang-kurangnya 7 hari selepas diagnosis suatu Penyakit Kritikal Peringkat Awal; atau

- j) Orang yang Diinsuranskan tidak hidup sekurang-kurangnya 14 hari selepas
 - (i) diagnosis suatu Penyakit Kritikal Peringkat Pertengahan;
 - (ii) diagnosis suatu Penyakit Kritikal Peringkat Akhir; atau
 - (iii) menjalani Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.

Untuk Manfaat Catch All Booster sahaja

Hanya terpakai untuk Manfaat Catch All Booster, pelan ini tidak akan membayar sebarang manfaat bagi sebarang Penghospitalkan yang disebabkan atau dipercepatkan oleh, secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, akibat daripada sebarang 1 kejadian di bawah:

- a) Keadaan Sedia Ada;
- b) apa-apa Hilang Upaya yang berlaku dalam Tempoh Menunggu kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan;
- c) Pembedahan dan/ atau rawatan yang berkaitan dengan tujuan Pembedahan plastik/ kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan rabun dekat melalui pembiasan atau Pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan sebarang preskripsi yang berkaitan dengannya atau untuk Pembedahan atau rawatan tersebut;
- d) keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh perlindungan;
- e) sebarang Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan;
- f) sebarang Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penyalahgunaan dadah atau alkohol secara sengaja, dadah yang tidak dibenarkan, kemabukan, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya;
- g) sebarang Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), dan apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang kecuali Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) Melalui Transfusi Darah atau Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan;
- h) kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara Pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta Pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektel dan ujian atau rawatan berkaitan kemandulan atau pensterilan;
- i) Penghospitalkan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan, dan hiperhidrosis;
- j) bunuh diri, percubaan bunuh diri atau Kecederaan diri sendiri yang disengajakan, sama ada Orang yang Diinsuranskan berada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- k) perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan;
- l) radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
- m) Penghospitalkan/rawatan/Pembedahan untuk menderma mana-mana organ tubuh badan oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya;
- n) penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain;
- o) Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram;

- p) sebarang Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perbuatan yang menyalahi undang-undang, serangan yang diprovokasi, penyertaan secara sengaja dalam keganasan, atau pendedahan secara sengaja kepada bahaya atau risiko, kecuali jika pendedahan tersebut adalah berkaitan dengan aktiviti kehidupan harian yang normal;
- q) penerbangan peribadi selain dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
- r) sebarang Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada pembedahan pertukaran jantina;
- s) sebarang Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung akibat rawatan penyakit kelamin;
- t) teknik perubatan atau pembedahan yang bersifat eksperimen atau perintis serta peranti perubatan yang tidak diluluskan, dan ujian perubatan bagi produk ubat-ubatan sama ada ujian tersebut mempunyai sijil percubaan klinikal atau tidak;
- u) gangguan psikologi, gangguan personaliti, keadaan mental atau gangguan tingkah laku, termasuk sebarang ketagihan atau kebergantungan yang timbul daripada gangguan tersebut seperti ketagihan perjudian atau ketagihan permainan;
- v) sebarang rawatan atau pembedahan bagi keadaan yang berkaitan dengan kelahiran pramatang dan Jaundis neonatal;
- w) apa-apa rawatan atau operasi Pembedahan untuk keadaan kongenital atau kecacatan kongenital yang telah wujud atau didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 17 tahun; atau
- x) rawatan perubatan yang dijalankan di luar negara kecuali bagi rawatan yang dijalankan di Singapura dan Brunei.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Tambahan untuk terma dan syarat yang lengkap di bawah pelan ini.

3. Apakah Penyakit Kritikal yang dilindungi?

(i) Senarai Penyakit Kritikal yang dilindungi:

No.	Kategori	Peringkat Penyakit Kritikal		
		Peringkat Awal (50% daripada Amaun Diinsuranskan Rider)	Peringkat Pertengahan (50% daripada Amaun Diinsuranskan Rider)	Peringkat Akhir (100% daripada Amaun Diinsuranskan Rider)
1	Serangan Jantung	Pemasukan Perentak Jantung	Pemasukan Defibrilator Jantung	Serangan Jantung - <i>keterukan tertentu</i>
2	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	- Perikardektomi - Terapi Laser Transmyocardial	Pembedahan Pintas Arteri Koronari Endoskopik / Torakoskopik Sepenuhnya	Pembedahan Pintas Arteri Koronari
3	Penyakit Arteri Koronari	Penyakit Arteri Koronari Awal	Penyakit Arteri Koronari	Penyakit Arteri Koronari Serius
4	Kanser	- Karsinoma in situ - Kanser Prostat Awal - Kanser Tiroid Awal - Kanser Pundi Awal - Leukemia Limfositik Kronik Awal - Melanoma Awal	Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus Lain yang dirawat dengan Pembedahan Radikal	Kanser - <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>
5	Pembedahan Injap Jantung	Valvuloplasti Perikardial	Penggantian Injap Perikardial	Pembedahan Injap Jantung
6	Aorta	Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar	Pembedahan Kurang Invasif Aorta	Pembedahan Aorta

7	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal	-	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - <i>keterukan tertentu</i>
8	Kardiomiopati	-	- Kardiomiopati Awal - Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati - <i>keterukan tertentu</i>
9	Strok	- Pemasukan Pintasan Serebrum - Pembedahan Aneurisme Otak (melalui Prosedur Endovaskular)	Pembedahan Arteri Karotid	Strok - <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan</i>
10	Kelumpuhan	Kehilangan Penggunaan Satu Anggota	Kehilangan Penggunaan Satu Anggota dan Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	Kelumpuhan Anggota
11	Sklerosis Multipel	Sklerosis Multipel Peringkat Awal	-	Sklerosis Multipel
12	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	-	Penyakit Alzheimer Sederhana Teruk	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
13	Koma	Koma selama 48 jam	Koma selama 72 jam	Koma - <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan</i>
14	Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Peringkat Awal	Penyakit Parkinson Sederhana Teruk	Penyakit Parkinson - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
15	Meningitis Bakteria	Meningitis Bakteria dengan Pemulihan Penuh	Meningitis Bakteria Sederhana Teruk	Meningitis Bakteria - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
16	Tumor Otak Jinak	Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoidal	-	Tumor Otak Benigna - <i>keterukan tertentu</i>
17	Ensefalitis	Ensefalitis dengan Pemulihan Penuh	Ensefalitis Sederhana	Ensefalitis - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
18	Trauma Kepala Major	Kecederaan Saraf Tunjang Serviks Akibat Kemalangan	-	Trauma Kepala Major - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>

19	Penyakit Paru-Paru	- Asma Teruk - Pemasukan penapis Vena Cava	Pembuangan Satu Paru-Paru Menerusi Pembedahan	Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
20	Penyakit Hati	Pembedahan Hati	Sirosis Hati	Kegagalan Hati Tahap Akhir
21	Anemia Aplastik	Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan	Sindrom Mielodisplastik atau Mielofibrosis	Anemia Aplastik Kronik - <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang</i>
22	Hepatitis Virus Fulminan	Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	Kolangitis Sklerosis Primer Kronik	Hepatitis Virus Fulminan
23	Kelecuman	Kelecuman Sederhana	Kelecuman Sederhana Teruk	Kelecuman Tahap Ketiga - <i>keterukan tertentu</i>
24	Penyakit Buah Pinggang	Pembedahan Pembuangan Satu Buah Pinggang	Penyakit Buah Pinggang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang - <i>memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang</i>
25	Transplan Organ/ Sumsum Tulang	- Transplan Usus Kecil - Transplan Kornea	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang (Dalam Senarai Menunggu)	Transplan Organ/ Sumsum Tulang
26	Distrofi Otot	Penyakit Saraf Tunjang atau Kecelakaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi	-	Distrofi Otot
27	Lupus Eritematosus Sistemik	Lupus Eritematosus Sistemik Kurang Serious	-	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
28	Transfusi Darah	Hepatitis B atau C yang Diperolehi Menerusi Pekerjaan	-	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) Melalui Transfusi Darah
29	Hilang Keupayaan Bertutur	-	Hilang Keupayaan Bertutur (selain daripada kecederaan atau penyakit pada pita suara)	Hilang Keupayaan Bertutur
30	Penyakit Sistik Medular	Glomerulonephritis dengan Sindrom Nefrotik	-	Penyakit Sistik Medular
31	Penyakit Terminal	-	-	Penyakit Terminal
32	Penyakit Neuron Motor	-	Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal	Penyakit Neuron Motor - <i>Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan</i>
33	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri Peringkat Awal	-	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri

34	Pembedahan Otak	Pembedahan bagi Hematoma Subdura	-	Pembedahan Otak
35	AIDS Dengan Gejala Penuh	-	-	AIDS Dengan Gejala Penuh
36	Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan	-	-	Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan
37	Hilang Pendengaran	- Kehilangan Sebahagian Pendengaran - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	Pembedahan Implan Koklear	Pekak - <i>Kekal dan Tidak Boleh Pulih</i>
38	Hilang Penglihatan	Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	- Retinitis Pigmentosa dengan Kerosakan Penglihatan Teruk - Atrofi Saraf Optik	Buta – <i>Kekal dan Tidak Boleh Pulih</i>
39	Sindrom Eisenmenger	Sindrom Eisenmenger Kurang Serius	-	Sindrom Eisenmenger Teruk
40	Endokarditis Infektif	Endokarditis Infektif Sederhana Teruk	-	Endokarditis Infektif
41	Poliomielitis	Neuropati Periferal	Poliomielitis Sederhana	Poliomielitis
42	Scleroderma Progresif	Scleroderma Progresif Awal	Scleroderma Progresif dengan Sindrom CREST	Scleroderma Progresif
43	Arthritis Reumatoid Teruk	Arthritis Reumatoid Sederhana	Arthritis Reumatoid Sederhana Teruk	Arthritis Reumatoid Kronik
44	Penyakit Crohn	Penyakit Crohn Kronik	-	Penyakit Crohn dengan Fistula
45	Kolitis Ulseratif Teruk	Kolitis Ulseratif Kronik	-	Kolitis Ulseratif dengan Colectomy Keseluruhan
46	Myasthenia Gravis	Myasthenia Gravis Kurang Serius	-	Myasthenia Gravis
47	Atrofi Otot Progresif	Atrofi Otot Progresif Kurang Serius	-	Atrofi Otot Progresif
48	Supranuklear Palsy Progresif	Supranuklear Palsy Progresif Awal	-	Supranuklear Palsy Progresif
49	Hepatitis Autoimun Kronik	-	-	Hepatitis Autoimun Kronik
50	Kekurangan Adrenal Kronik	Adrenalektomi untuk Adenoma Adrenal	-	Kekurangan Adrenal Kronik
51	Osteogenesis Imperfecta	Osteoporosis dengan Keretakan Teruk [#]	-	Osteogenesis Imperfecta
52	Meningitis Tuberkulosis	Tuberculous Myelitis dengan Defisit Neurologikal Kekal	-	Meningitis Tuberkulosis
53	Keretakan Tulang Belakang	-	-	Kecederaan Saraf Tunjang dengan Kehilangan Fungsi Kekal

54	Sindrom Apallic	-	-	Sindrom Apallic
55	Aneurysm Serebral Memerlukan Pembedahan Otak	-	-	Aneurysm Serebral Memerlukan Pembedahan Otak
56	Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel	-	-	Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel
57	Atresia Bilier yang Telah Menjalani Pemindahan Hati	-	-	Atresia Bilier yang Telah Menjalani Pemindahan Hati
58	Pembedahan Scoliosis Idiopatik	-	-	Pembedahan Scoliosis Idiopatik
59	Pankreatitis Berulangan Kronik	-	Pankreatitis Necrohemorrhagic Akut	Pankreatitis Berulangan Kronik
60	Elephantiasis	-	-	Elephantiasis
61	Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi Jantung	-	-	Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi Jantung
62	Metastasis Serebral	-	-	Metastasis Serebral
63	Creutzfeldt – Penyakit Jakob (Penyakit Lembu Gila)	-	-	Creutzfeldt – Penyakit Jakob (Penyakit Lembu Gila)
64	Demam Hemoragik Ebola	-	-	Demam Hemoragik Ebola
65	Pheochromocytoma	-	-	Pheochromocytoma/Paraganglioma yang Merembeskan Katekolamin dan Memerlukan Pembuangan Secara Pembedahan
66	Sindrom Nefrotik Berulangan Teruk	-	-	Sindrom Nefrotik Berulangan Teruk
67	Penyakit Wilson	-	-	Penyakit Wilson
68	Hidrosefalus yang Memerlukan Penempatan Pintasan Cecair Spina Serebro Kekal	-	-	Hidrosefalus yang Memerlukan Penempatan Pintasan Cecair Spina Serebro Kekal
69	Epilepsi Teruk	-	Epilepsi Teruk	-

Perlindungan bagi Osteoporosis dengan Keretakan Teruk Peringkat Awal akan tamat pada Ulang Tahun Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi terdekat.

Perlindungan tambahan untuk juvenil:

No.	Kategori	Peringkat Penyakit Kritikal		
		Peringkat Awal (50% daripada Amaun Diinsuranskan Rider)	Peringkat Pertengahan (50% daripada Amaun Diinsuranskan Rider)	Peringkat Akhir (100% daripada Amaun Diinsuranskan Rider)
70	Artritis Sistemik Kanak-kanak Kronik (Penyakit Still)	-	-	Artritis Sistemik Kanak-kanak Kronik (Penyakit Still)
71	Demam Denggi Berdarah/Sindrom Kejutan Denggi	-	-	Demam Denggi Berdarah/Sindrom Kejutan Denggi
72	Diabetes Mellitus Bergantung kepada Insulin	-	-	Diabetes Mellitus Bergantung kepada Insulin
73	Penyakit Tangan, Kaki, Mulut dengan Komplikasi	-	-	Penyakit Tangan, Kaki, Mulut dengan Komplikasi
74	Hemofilia Teruk	-	-	Hemofilia Teruk
75	Amyotrofi Spina Juvenil Jenis I	-	-	Amyotrofi Spina Juvenil Jenis I
76	Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung	-	-	Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung

Perlindungan tambahan untuk juvenil (Penyakit Kritikal di bawah kategori 70 hingga 76 dalam senarai Penyakit Kritikal di atas) tamat pada Ulang Tahun Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 19 tahun hari jadi terdekat kecuali bagi Amyotrofi Spina Juvenil Jenis I yang tamat pada Ulang Tahun Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 21 tahun hari jadi terdekat.

(ii) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari

No.	Kategori	Penyakit Kritikal
77	Jantung/Arteri	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari

Nota:

- Perlindungan untuk Manfaat Bayaran Pelbagai, Manfaat Berulang, Manfaat Kanser Khusus Jantina dan Manfaat Catch All Booster di bawah HealthCover Prime tamat pada Ulang Tahun Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 85 hari jadi terdekat.
- Sila rujuk kepada Kontrak Tambahan HealthCover Prime untuk butiran penuh mengenai terma dan syarat.